



GARIS PANDUAN PERMOHONAN

**GALAKAN BAGI PROJEK
PENGELUARAN BAHAN
MAKANAN YANG
DILULUSKAN DI BAWAH AKTA
CUKAI PENDAPATAN 1967**

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

**GALAKAN BAGI
PROJEK
PENGELUARAN
BAHAN
MAKANAN YANG
DILULUSKAN DI
BAWAH AKTA
CUKAI
PENDAPATAN
1967**

Diterbitkan oleh :

**Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Aras 13, Blok 4G1, Wisma Tani
Persiaran Perdana, Presint 4
62624 PUTRAJAYA
Tel : 03-8000 8000 samb. 1171 / 1282 / 1447
www.kpkm.gov.my**

Sektor pertanian memainkan peranan yang penting dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan pendapatan negara dan perolehan eksport negara. Kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) sentiasa komited serta memberikan jaminan bahawa bidang pertanian merupakan satu daripada sektor yang signifikan kepada negara dan akan terus diperkasakan supaya kekal menjadi antara penyumbang utama kepada pendapatan negara. Selain itu, Kerajaan juga sentiasa memberikan komitmen dan sokongan yang teguh terutamanya kepada sektor pertanian domestik untuk membolehkan mereka yang terlibat di dalam bidang ini, khususnya nelayan, peladang dan penternak, dapat hidup dalam keadaan baik, memperoleh pendapatan yang lebih tinggi serta mempunyai masa depan yang lebih terjamin.

Justeru itu, melalui pelbagai inisiatif yang diperkenalkan untuk membantu memperkuat sektor pertanian, kerajaan berhasrat mengoptimumkan usaha bagi memastikan sektor ini diberikan perhatian yang lebih signifikan.

Sejajar dengan itu, pelbagai bentuk subsidi dan insentif disediakan dengan tujuan utama untuk mengurangkan beban pengusaha selain menarik minat lebih ramai orang menyertai bidang ini.

Selain itu juga, negara memerlukan penyertaan sektor swasta yang lebih aktif terutama dalam pertanian berskala besar dan berteknologi tinggi dengan pengurusan agronomi terbaik. Sektor swasta memainkan peranan penting kerana

mempunyai keupayaan modal yang tinggi, lebih bersedia mengambil risiko dan mempunyai rangkaian komunikasi yang lebih luas.

Sungguhpun begitu, bagi meningkatkan pelaburan swasta dalam industri agro makanan ia mengambil sedikit masa berbanding sektor lain seperti perladangan, pembuatan dan perkhidmatan. Ini antara lain disebabkan oleh kadar dedahan risiko secara relatif lebih tinggi termasuk ketidaktentuan faktor cuaca dan harga pasaran, tempoh kematangan yang panjang, kerumitan proses perolehan tanah pertanian, kesukaran mendapatkan pembiayaan daripada agensi kewangan serta tawaran insentif yang kurang menarik.

Melalui insentif Galakan Cukai Bagi Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan ini Kerajaan percaya dapat menarik serta menggalakkan lebih banyak pelaburan swasta dalam sektor ini, selain menjanjikan ekosistem yang lebih mesra perniagaan, telus, menyokong inovasi dan lebih berdaya saing serta peluang perniagaan yang lebih menarik perlu diteruskan.

A. JENIS-JENIS PERMOHONAN

1. Permohonan syarikat untuk mendapat potongan bersamaan **dengan** amaun pelaburan dalam syarikat yang menjalankan Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 – (Borang MOA 1-1); dan
2. Permohonan untuk mendapatkan pengecualian cukai pendapatan bagi syarikat yang menjalankan Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 - (Borang MOA 1-2).

B. KATEGORI PROJEK PENGELUARAN BAHAN MAKANAN YANG DILULUSKAN

1. Tanaman

- i. Sayur-sayuran (**Lampiran A**)
- ii. Buah-buahan (**Lampiran B**)
- iii. Tanaman Kontan (**Lampiran C**)
- iv. Tanaman Industri (**Lampiran D**)
- v. Herba (**Lampiran E**)
- vi. Rempah ratus (**Lampiran F**)
- vii. Tanaman Makanan Ternakan (**Lampiran G**)

2. Ternakan

- i. Lembu
- ii. Kambing
- iii. Biri-biri
- iv. Kerbau
- v. Rusa

3. Akuakultur Termasuk Hatcheri dan Rumpai Laut

4. Apikultur (Lebah Madu dan Kelulut)

5. Perikanan Tangkapan

C. KRITERIA KELAYAKAN

1. SYARIKAT PELAKSANA

1.1 Takrif

Takrif Syarikat Pelaksana bagi tujuan pengecualian cukai adalah untuk syarikat yang **menjalankan projek** pengeluaran bahan makanan yang diluluskan adalah seperti berikut:

- i. Syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 dan modal berbayar **sekurang-kurangnya RM100,000** dan bagi projek **perikanan tangkapan** sekurang-kurangnya **RM1,000,000**;
- ii. Pertubuhan Koperasi yang berasaskan pertanian;
- iii. Pertubuhan Peladang Kawasan;
- iv. Pertubuhan Peladang Persekutuan;
- v. Pertubuhan Peladang Negeri;
- vi. Persatuan Nelayan Kawasan;
- vii. Persatuan Nelayan Persekutuan;
- viii. Persatuan Nelayan Negeri; dan
- ix. *Pemilikan Tunggal dan modal berbayar yang ditetapkan adalah sekurang-kurangnya **RM50,000.00** manakala Pemilikan Tunggal yang menjalankan aktiviti **akuakultur** modal berbayar yang ditetapkan adalah **RM100,000**.
- x. *Perkongasian; atau
- xi. *Pertubuhan / Persatuan

dan **bermastautin di Malaysia**.

Bagi syarikat (ix), (x) dan (xi), aktiviti yang dijalankan hendaklah semata-mata dalam bidang pertanian

- 1.2 Syarikat yang menjalankan Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan (Syarikat Pelaksana) terdiri daripada dua kategori:

a) Projek Baharu

- i. Projek Baharu ertinya projek yang **tidak pernah dijalankan** oleh Syarikat Pelaksana bagi maksud melaksanakan suatu Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan oleh Menteri Kewangan. Pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas

pendapatan berkanun perniagaan selama 10 tahun taksiran bermula dari tahun taksiran pertama Syarikat Pelaksana memperoleh pendapatan berkanun perniagaan;

- ii. Bagi Syarikat Pelaksana yang telah diluluskan di perenggan i dan berhasrat untuk membuat **pembesaran** (penambahan kawasan, penambahan / penukaran spesies daripada kategori projek yang sama), **dalam tempoh kelulusan pengecualian** Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan yang sedang dilaksanakan, syarikat tersebut perlu **mengemukakan permohonan** untuk kelulusan Jawatankuasa Penilaian Insentif Sektor Pertanian (JPISP) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kelulusan adalah **tertakluk kepada baki tempoh pengecualian galakan yang telah diluluskan**;
- iii. Bagi projek perikanan tangkapan, vesel yang layak memohon adalah seperti kategori berikut:
 - a. bina baharu dalam negara;
 - b. bina baharu dari luar negara;
 - c. tukar kulit (bot lama tukar ke bot baharu dengan bilangan lesen kekal). Pembinaan bot kelulli kos yang dilaburkan mestilah sekurang-kurangnya RM3 juta
 - d. *recond* (vesel *second-hand* dari luar negara ke dalam Malaysia)

*Pembelian vesel dari negara Vietnam, China, Brunei , Thailand dan Filipina adalah **tidak dibenarkan** sepertimana arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang sedang berkuatkuasa.
- iv. **Kriteria penilaian bagi projek baharu** adalah seperti di **Jadual 1**.

b) **Projek Pembesaran**

1. Projek Pembesaran ertinya suatu projek yang dijalankan oleh syarikat bagi maksud **membesarkan projek** Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan **sedia ada** yang mana projek pembesaran itu:
 - i. **Tidak pernah diberi pengecualian cukai** di bawah mana mana program galakan cukai.
 - ii. Melibatkan pertambahan **kawasan tanah baharu** (selain daripada kawasan tanah yang sedang diusahakan sebelum ini) bagi aktiviti tanaman, ternakan dan akuakultur (kolam).

Kriteria penilaian bagi projek baharu dan pembesaran adalah seperti di **Jadual 1**.

- iii. Bagi projek perikanan tangkapan perlulah melibatkan **nilai tambah terhadap projek sedia ada seperti** - pertambahan vesel mengikut kriteria vesel yang layak memohon yang memerlukan permit dan lesen dan pertambahan bilangan pekerja mengikut norma yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan.
 - iv. Tempoh pengecualian cukai pendapatan adalah 100% bagi **Projek Pembesaran** untuk tempoh **5 tahun** taksiran Pengecualian ke atas pendapatan berkanun perniagaan selama 5 tahun bermula dari tahun taksiran pertama syarikat memperoleh pendapatan berkanun perniagaan dan tidak lebih awal dari tempoh asas tahun taksiran tarikh kelulusan Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan.
- 1.3 Kriteria penilaian projek baharu dan pembesaran adalah seperti **Jadual 1**.
- 1.4 Projek **perikanan laut dalam** dikenakan syarat **100% ekuiti tempatan** manakala projek **selain daripada perikanan laut dalam** dikenakan syarat sekurang-kurangnya **70% ekuiti tempatan**.
- 1.5 Syarikat yang telah diluluskan galakan ini tidak layak memohon galakan yang sama di bawah kategori projek yang berbeza dari tarikh kelulusan galakan sehingga tempoh pengecualian cukai tamat.
- 1.6 Bagi permohonan syarikat yang melibatkan syarikat berkaitan, pertimbangan permohonan tertakluk kepada kelayakan seperti berikut:

Bil	Pegangan ekuiti dalam syarikat berkaitan	Dalam Tempoh Galakan	Kategori Sama	Kategori Berbeza
1	≥ 20%	Ya	Tidak Layak	Tidak Layak
2	≥ 20%	Tidak	Tidak Layak	Layak
3	<20%	Tidak	Layak	Layak
4	<20%	Ya	Layak	Layak

- 1.7 Pertimbangan permohonan untuk syarikat yang menjalankan projek akuakultur di Negeri Sarawak adalah **tertakluk kepada kelulusan permit / lesen** untuk menjalankan projek akuakultur yang dikeluarkan oleh **Jabatan Pertanian Negeri Sarawak**.
- 1.8 Permohonan bagi projek perikanan tangkapan perlu disertakan salinan kelulusan permit vesel dan peralatan menangkap ikan laut dalam (zon C2 dan C3) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dan disahkan oleh Ketua Pengarah Perikanan.
- 1.9 Bagi permohonan projek akuakultur (sangkar) pula perlu menyertakan salinan:
- i. Lesen Sistem Kultur Laut (SKL);
 - ii. Lesen Pendudukan Sementara (TOL) jika berkaitan
- 1.10 Permohonan bagi projek tanaman, penternakan, akuakultur yang **melibatkan penggunaan tanah** perlulah:
- i. Mengemukakan dokumen pemilikan tanah (geran tanah), dokumen perjanjian sewa antara pemilik tanah dan penyewa atau surat kebenaran guna tanah daripada pemilik tanah. Syarikat dikehendaki mengemukakan perjanjian sewaan baharu selepas tempoh sewaan terdahulu telah tamat; dan
 - ii. Sekiranya tanah tersebut adalah milik individu yang mempunyai kepentingan di dalam syarikat yang memohon insentif, syarikat hendaklah menyediakan perjanjian sewaan tanah antara pemilik tanah dan syarikat bagi tujuan menjalankan projek yang dipohon. Pendapatan sewa tanah tersebut hendaklah dilaporkan sebagai pendapatan dalam borang nyata cukai pendapatan pemilik tanah
- 1.11 Menyediakan laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling sekiranya:
- i. Skim kemajuan tanah yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 500 hektar untuk menjadikan hutan kepada pengeluaran pertanian.
 - ii. Skim kemajuan tanah yang meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih untuk menjadikan hutan kepada pengeluaran pertanian.
 - iii. Projek akuakultur berasaskan penggunaan tanah beserta dengan pembersihan hutan paya bakau, hutan paya gambut atau hutan paya air tawar yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 50 hektar
 - iv. Projek akuakultur berasaskan penggunaan tanah beserta dengan pembersihan hutan paya bakau, hutan paya gambut

atau hutan paya air tawar yang meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih.

- v. Pengubahan hutan pada ketinggian 300 meter atau lebih di atas purata aras laut kepada kegunaan lain tanah yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 100 hektar.

- vi. Pengubahan kawasan –

- (i) Hutan paya bakau
- (ii) Hutan paya gambut; atau
- (iii) Hutan paya air tawar

bagi kegunaan perindustrian, perumahan atau pertanian yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 50 hektar.

- a. Pengubahan hutan pada ketinggian 300 meter atau lebih di atas purata aras laut kepada kegunaan lain tanah yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih.

- b. Pembalakan atau pengubahan hutan kepada kegunaan tanah yang lain dalam

- (i) Kawasan tadahan di kolam takungan air yang digunakan bagi bekalan air perbandaran, pengairan atau penjanaan kuasa hidro
- (ii) Kawasan yang bersebelahan atau berdekatan dengan mana-mana taman negeri, taman negara atau taman laut negara
- (iii) Mana-mana taman negeri, taman negara atau taman laut negara; atau
- (iv) Kawasan yang diwartakan sebagai hutan tadahan air di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313].

- c. Pengubahan kawasan –

- (i) Hutan paya bakau
- (ii) Hutan paya gambut; atau
- (iii) hutan paya air tawar

bagi kegunaan perindustrian, perumahan atau pertanian yang meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih.

- d. Pembangunan atau pembersihan tanah yang meliputi kawasan yang kurang daripada 50 peratus kawasan cerun yang berkecerunan melebihi atau sama dengan 25⁰ tetapi kurang daripada 35⁰

- e. Pembangunan atau pembersihan tanah yang meliputi 50 peratus atau lebih kawasan cerun yang berkecerunan lebih daripada atau sama dengan 25⁰ tetapi kurang daripada 35⁰.

**Seperti yang digariskan dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 P.U(A) 195/2015*

- 5. Pertimbangan bagi kelulusan galakan ini tidak terpakai kepada syarikat pelaksana dalam suatu tahun taksiran apabila syarikat pelaksana:
 - i. telah diberikan suatu pengecualian di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 termasuk Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan;
 - ii. telah diberikan apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986;
 - iii. telah menuntut elaun di bawah Jadual 7A atau Jadual 7B ACP 1967;
 - iv. telah diberikan suatu potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 ACP 1967 kecuali :
 - (a) Elaun di bawah Jadual 3 kepada Akta;
 - (b) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Audit) 2006 [*P.U. (A) 129/2006*]; atau
 - (c) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2014 [*P.U. (A) 336/2014*].

SYARIKAT PELABUR

- 1. Syarikat yang melabur (Syarikat Pelabur) dalam syarikat yang menjalankan Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan (Syarikat Pelaksana) adalah seperti berikut :
 - (a) Diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016;
 - (b) Bermastautin di Malaysia dan **sekurang-kurangnya 60%** modal syer berbayar (*paid up share capital*) berkenaan **saham biasa** dipegang **secara langsung oleh warganegara Malaysia**;
 - (c) memiliki **sekurang-kurangnya 70%** modal syer berbayar (*paid up share capital*) berkenaan **saham biasa** dalam syarikat pelaksana;
 - (d) Pelaburan yang dibenarkan adalah **bagi permohonan projek baharu sahaja**;

- (e) **Pelaburan yang dibenarkan adalah pelaburan dalam bentuk wang tunai atau pegangan modal syer berbayar (*paid up capital*) berkenaan dengan saham biasa yang dilakukan oleh syarikat pelabur dalam tempoh 1 tahun daripada tarikh permohonan lengkap galakan cukai diterima oleh MOA;**
 - (f) Tiada sebarang potongan cukai layak dipohon oleh pelabur yang melabur dalam Syarikat Pelaksana yang **sedang melaksanakan projek** atau bagi tujuan **pembesaran projek**.
 - (g) Tempoh tuntutan potongan cukai **tidak melebihi 3 tahun** taksiran sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri melalui Menteri yang dipertanggungjawabkan. Amaun yang layak dituntut bagi setiap tahun taksiran hendaklah bersamaan dengan **amaun yang telah dibelanjakan** untuk projek oleh Syarikat Pelaksana dalam tahun taksiran berkenaan. Syarikat Pelaksana hendaklah menyenggara akaun berasingan untuk pelaburan yang diterima daripada syarikat pelabur.
2. Jika pelaburan melibatkan pegangan saham, saham tersebut hendaklah dipegang sekurang-kurangnya selama 5 tahun dari tarikh saham diperolehi.
 3. Pelaburan dalam bentuk **pendahuluan** atau **pinjaman** adalah **tidak layak menuntut potongan cukai**.
 4. Potongan cukai yang dibenarkan adalah ke atas pelaburan yang digunakan semata-mata bagi maksud membiayai Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan. Pelaburan yang diambil kira adalah pelaburan yang digunakan hanya untuk membiayai:
 - i. loji dan jentera;
 - ii. peralatan dan kelengkapan; dan
 - iii. perbelanjaan modal kerja.
 6. Jumlah pelaburan hendaklah **munasabah dengan saiz projek berkenaan** dan tempoh pelaburan.
 7. Pertimbangan bagi kelulusan galakan ini tidak terpakai kepada syarikat pelabur dalam suatu tahun taksiran apabila syarikat pelabur:
 - i. telah diberikan suatu pengecualian di bawah seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan 1967 termasuk Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan;
 - ii. telah diberikan suatu potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 ACP 1967 kecuali :

- (a) elaun di bawah Jadual 3 kepada Akta;
 - (b) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Audit) 2006 [*P.U. (A) 129/2006*]; atau
 - (c) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2014 [*P.U. (A) 336/2014*].
- iii. Syarikat pelabur juga hanya layak dipertimbangkan sekali sahaja potongan atas pelaburan dalam mana-mana Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan.
8. Borang permohonan perlu disertakan dengan maklumat seperti berikut:
- (a) Struktur organisasi yang menunjukkan hubungan syarikat dalam kumpulan yang sama dan jumlah pegangan saham setiap individu dalam setiap syarikat;
 - (b) Gambar lokasi projek, geran tanah, pelan tapak projek dan dokumen-dokumen yang menyokong kesahihan status pemilikan / penyewaan tanah; DAN
 - (c) Borang **9,14,24,32** dan **49** Akta Syarikat 2016, dan ***Memorandum and Articles of Association*** yang jelas menyatakan aktiviti yang berkaitan serta disahkan oleh Setiausaha Syarikat.
9. Syarikat Pelaksana yang telah diluluskan bagi menjalankan Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan hendaklah **menyenggara satu akaun berasingan** sekiranya syarikat mempunyai pendapatan daripada aktiviti atau perniagaan lain dan tertakluk kepada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
10. Syarikat juga dikehendaki **mengisytihar bentuk-bentuk bantuan yang telah diterima daripada Kerajaan** bagi maksud menjalankan projek ini.

D. SYARAT – SYARAT KELULUSAN

1. Projek yang diluluskan hendaklah dimulakan dalam tempoh **satu tahun** dari tarikh kelulusan Menteri Kewangan;
2. Syarikat pelaksana yang menjalankan projek perlu mengemukakan **laporan kemajuan** pelaksanaan projek tahun semasa dari 1 Januari hingga 31 Disember. Laporan hendaklah dikemukakan kepada MOA dan salinan

kepada *Jabatan Pertanian Malaysia / Jabatan Perikanan Malaysia / Jabatan Perkhidmatan Veterinar* (mana yang berkenaan sahaja) **selewat-lewatnya** pada 31 Januari tahun berikutnya;

3. Syarikat dikehendaki mendapatkan pengiktirafan **MyOrganic** atau **Malaysian Good Agricultural Practices (MyGAP)** (mana yang berkaitan) dari Jabatan berkaitan (DOA/DOF/DVS);
4. Syarikat hendaklah mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberi apa-apa maklumat lain kepada LHDN selaras dengan peruntukan ACP 1967 walaupun dalam tempoh galakan;
5. Syarikat dikehendaki menyediakan **akaun berasingan** bagi aktiviti yang telah diluluskan di bawah galakan ini tertakluk kepada persetujuan LHDN
6. Setiap projek yang dipohon perlu mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), Enakmen Konservasi Alam Sekitar 1996 dan peraturan-peraturan berkaitan yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Perlindungan Alam Sekitar, Sabah atau Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar 1994 dan peraturan-peraturan berkaitan yang dikuatkuasakan oleh Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar, Sarawak *(mana yang berkenaan);
7. Amalan / Kaedah pelupusan / penyelenggaraan sisa buangan penternakan terbaik semasa (*the best current practices*) yang diamalkan oleh Jabatan juga diguna pakai dalam membuat penilaian permohonan syarikat;
8. Syarikat dikehendaki **mengekalkan pegangan ekuiti dalam tempoh insentif** bermula daripada tarikh kelulusan diberi hingga tempoh kelulusan tamat;
9. Syarikat dikehendaki memaklumkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam **tempoh dua minggu** daripada tarikh tuntutan pertama pengecualian cukai **10 tahun** berturut-turut dibuat ke Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN);
10. Syarikat boleh dikenakan syarat-syarat tambahan dari semasa ke semasa sekiranya perlu;
11. Kelulusan juga adalah tertakluk kepada pematuhan kepada lain-lain akta-akta yang berkuatkuasa; dan
12. Menteri Kewangan boleh menarik balik kelulusan ini pada bila-bila masa tanpa memberikan sebarang sebab.

E. TEMPOH PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) **SEBELUM atau PADA 31 Disember 2025**.
2. Tarikh permohonan kepada KPKM adalah pada **tarikh terima permohonan yang lengkap** daripada syarikat pemohon.

F. PROSEDUR MEMPROSES BORANG PERMOHONAN

1. Tempoh masa memproses permohonan dikira bermula dari tarikh permohonan **yang lengkap** diterima daripada syarikat pemohon oleh KPKM.
 - (a) Permohonan berserta semua dokumen sokongan hendaklah dikemukakan kepada urusetia di Bahagian Pembangunan Perniagaan & Pelaburan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).
 - (b) Cadangan projek akan terlebih dahulu dinilai oleh :
 - (i) Aspek teknikal oleh Jabatan penilai (iaitu Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) / Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) / Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)/ Jabatan Alam Sekitar (JAS) (mengikut mana yang berkenaan).
 - (ii) Aspek pengurusan dan kewangan syarikat oleh LHDN, MOF, MIDA (mengikut mana yang berkenaan).
2. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan galakan ini atau permohonan mengenainya boleh menghubungi :

**Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Aras 13, Blok 4G1, Wisma Tani
Persiaran Perdana, Presint 4
62624 PUTRAJAYA
Tel : 03 - 8000 8000 samb. 1171 / 1282 / 1447**

Jadual 1: Kriteria Penilaian Projek Baharu dan Pembesaran

KATEGORI PROJEK		KRITERIA
1. Tanaman	Sayuran	2 hektar
	Buah-buahan	5 hektar
2. Akuakultur	Kolam	5 hektar (<i>Effective area</i>) dan setara dengannya Udang putih (10 tm /ha/pusingan) Udang harimau (6 tm/ha/pusingan) Ikan marin (2.5tm/ha/pusingan) Ikan air tawar (5 tm/ha/pusingan) } dan setara dengannya
	Tangki	6 x 2 kaki dan setara dengannya
	Rumpai laut	Semua spesies 10 hektar
	Sangkar	200 unit (3mx3m/unit) = 1,800m ² Sangkar bulat - 6 unit, 20 diameter
	Hatcheri	Diukur melalui hasil pengeluaran: i. ikan air tawar 6 juta ekor/tahun saiz- 1" – 2" ii. ikan air marin 2 juta ekor/tahun 3" – 4" iii. udang marin 200 juta ekor/tahun, post larva hari ke 8 ke atas iv. udang galah 5 juta ekor/tahun umur 40 hari
3. Penternakan	Lembu Dan Kerbau	Penternakan Integrasi : 200 Ha Semi Intensif : 12 Ha Intensif : 2 Ha
	Kambing/Bebiri/Rusa	Minimum 2 Ha untuk semua jenis aktiviti <i>*Saiz minimum projek dan populasi ternakan bergantung kepada penilaian Jabatan Penilai.</i>
4. Tanaman Makanan Ternakan	Rumput/kekacang/jagung bijirin	5 hektar atau pengeluaran minimum 100MT/setahun
5. Apikultur	Lebah Madu	50 haif / koloni
	Lebah Kelulut	100 haif / koloni

Walau bagaimanapun, permohonan yang tidak menepati kriteria minimum ini boleh dipertimbangkan sekiranya mempunyai kriteria lain seperti penggunaan teknologi, mempunyai nilai komersial, pengeluaran tinggi dan pengeluaran bernilai tinggi.

BIL AKUAKULTUR

- 1 Udang Harimau
- 2 Udang putih
- 3 Udang galah
- 4 Udang Kara
- 5 Ikan kerapu
- 6 Ikan siakap
- 7 Ikan merah
- 8 Ikan tilapia
Ikan patin
- 9 Ikan keli
- 10 Empurau
- 11 Terubuk
- 12 Kerang
- 13 Kupang
- 14 Tiram

- 15 Gamat

- 16 Rumpai laut

NAMA SAINTIFIK

Penaeus monodon
Penaeus vannamei
Macrobrachium rosenbergii
Panulirus polyhagus
Epinephelus sp.
Lates calcarifer
Lutjanus johnii
Tilapia niloticus
Pangasius sutchi
Clarias sp
Tor tabroides
Telualosa macrura
Anadara granosa
Perna viridis
Crassostrea iredalei
Crassostrea belcheri
Stichopus sp.
-halothuria sp.

BIL APIKULTUR

1 Lebah Madu

2 Lebah Kelulut

NAMA SAINTIFIK

BIL BUAH-BUAHAN

- 1 Anggur
- 2 Belimbing
- 3 Cempedak
- 4 Ciku
- 5 Durian
- 6 Limau Bali
- 7 Limau Manis / Langkat
- 8 Mangga
- 9 Nangka
- 10 Pulasan
- 11 Rambutan
- 12 Pisang
- 13 Pitaya
- 14 Jambu Air / jambu bertih
- 15 Jambu Batu
- 16 Longan
- 17 Markisa
- 18 Duku/Dokong
- 19 Durian Belanda
- 20 Manggis / Mesta
- 21 Salak
- 22 Betik
- 23 Nanas
- 24 Tembikai Wangi / tembikai susu
- 25 Tembikai
- 26 Sukun
- 27 Kedondong
- 28 Mata kucing
- 29 Strawberi
- 30 Buah Tin

NAMA SAINTIFIK

Vitis Vinifera
Averrhoa carambola
Artocarpus champeden
Manilkara zapota
Durio zibethinus
Citrus grandis
Citrus suhuiensis
Mangifera indica
Artocarpus heterophyllus
Nephelium mutabile
Nephelium lappaceum
Musa spp
Hylocereus spp
Eugenia samarangense
Psidium guajava
Dimocarpus longan
Passiflora edulis
Lansium domesticum
Annona muricata
Garcinia mangostana
Salacca spp.
Carica papaya
Ananas comosus
Cucumis melo
Citrullus lanatus
Artocarpus altilis
Spondias dulcis
Dimocarpus longana
Fragaria spp.
Ficus carica

BIL	HERBA	NAMA SAINTIFIK
1.	Pegaga	<i>Centella asiatica</i>
2.	Mengkudu	<i>Anona squamosus</i>
3.	Roselle	<i>Hibiscus sabdariffa</i>
4.	Mas Cotek	<i>Ficus deltoidea</i>
5.	Sambung Nyawa	<i>Gynura procumbens</i>
6.	Belalai Gajah	<i>Clinacanthus nutans</i>
7.	Lepoyang	<i>Zingiber spp.</i>
8.	Kaduk	<i>Piper sarmentosum</i>
9.	Senduduk	<i>Melastoma spp.</i>
10.	Gelenggang	<i>Cassia spp.</i>
11.	Merunggai	<i>Moringa oleifera</i>
12.	Tongkat Ali	<i>Eurycoma longifolia</i>
13.	Kacip Fatimah	<i>Labisia pumila</i>
14.	Misai Kucing	<i>Orthosiphon stamineus</i>
15.	Dukung Anak	<i>Phyllanthus spp.</i>
16.	Hempedu Bumi	<i>Andrographis paniculata</i>
17.	Peria Katak	<i>Momordica charantia</i>
18.	Lidah Buaya	<i>Aloe vera (L) Burm. F</i>
19.	Pudina	<i>Mentha spp.</i>
20.	Mahkota Dewa	<i>Phaleria macrocarpa</i>
21.	Sireh	<i>Piper betle</i>
22.	Daun Kaduk	<i>Piper sarmentosum</i>
23.	Tanaman ulam-ulaman	-

BIL	PASTURA/FODER/KEKACANG	NAMA SAINTIFIK
1	Rumput	<i>Panicum Spp</i>
2	Rumput	<i>Pennisetum Spp</i>
3	Rumput	<i>Cynodon Spp</i>
4	Rumput	<i>Brachiaria Spp</i>
5	Rumput	<i>Setaria Spp</i>
6	Jagung	
7	Kekacang	<i>Arachis pintoi</i>
8	Kekacang	<i>Calapogonium muconoides</i>
9	Kekacang	<i>Stylosanthes guianensis</i>
10	Kekacang	<i>Centrosema pubescens</i>
11	Petai Belalang	<i>Leucaena leucocephala</i>
12	Daun Turi/Geti	<i>Sesbania grandiflora</i>
13	Pelindung koko	<i>Gilirisidia cv</i>
14	Pucuk/Cekur Manis	<i>Sauropus androgynus</i>
15	Akasia Daun Lebar	<i>Acacia mangium</i>
16	Ubi Kayu	<i>Manihot esculanta</i>
17	Duckweed	
18	Afalfa	
19	Barli	

- i. Kesemua aktiviti hendaklah dilakukan di dalam negara dan pengeluaran juga adalah hanya untuk keperluan di dalam negara.
- ii. Tanaman dan bahan yang di import tidak dikira sebagai bahan makanan yang layak untuk menikmati insentif.
- iii. Maksud pemprosesan merangkumi proses menukar tanaman kepada bentuk lain seperti silaj, pellet dan sebagainya, tetapi hendaklah dilakukan bersama dengan aktiviti penanaman sebagai industri hiliran.

BIL REMPAH RATUS

- 1 Serai
- 2 Limau Nipis
- 3 Limau Purut
- 4 Limau Kasturi
- 5 Lengkuas
- 6 Bunga kantan
- 7 Kesum
- 8 Asam Gelugor
- 9 Lada Hitam
- 11 Ketumbar
- 12 Bunga lawang
- 13 Buah Pelaga
- 14 Halia
- 15 Pandan
- 16 Bunga Telang
- 17 Daun Kari
- 18 Kayu manis
- 19 Kunyit
- 20 Cekur

NAMA SAINTIFIK

Cymbopogon spp.
Citrus aurantifolia
Citrus hystrix
Citrus microcarpa
Alpinia galanga
Etlingera elatior
Polygonum spp.
Garcinia atroviridis
Piper nigrum
Coriandrum sativum
Cinnamomum spp.
Amomum compactum
Zingiber officinale
Pandanus spp.
Clitoria spp.
Murraya koenigi
Cinnamomum verum
Cucuma spp.
Kaempferia galanga

BIL SAYUR-SAYURAN

- 1 Asparagus
- 2 Bayam
- 3 Bendi
- 4 Cili Merah
- 5 Cili Solok
- 6 Cili Padi
- 7 Cili Benggala
- 8 Kacang Buncis
- 9 Kacang Panjang
- 10 Kacang manis (sweet peas)
- 11 Peria
- 12 Petola
- 13 Sawi
- 14 Kailan
- 15 Kobis
- 16 Kobis bunga (cauliflower)
- 17 Kobis bunga hijau (broccoli)
- 18 Terung
- 19 Terung (asam/ dayak)
- 20 Timun
- 21 Tomato
- 22 Kucai
- 23 Daun Bawang
- 24 Leek
- 25 Cekur Manis
- 26 Kangkung
- 27 Kangkung
- 28 Salad
- 29 Labu Manis
- 30 Kundur
- 31 Labu Air
- 32 Buluh rebung
- 33 Lobak merah
- 34 Lobak putih
- 35 Seleri (batang)
- 36 Seleri (daun sup @ Chinese celery)
- 37 Daun ketumbar
- 38 Selada air (water cress)
- 39 Jagung sayur (baby corn)
- 40 Maman/ maman putih
- 41 Taugeh

NAMA SAINTIFIK

Asparagus officinalis
Amaranthus spp
Hibiscus esculentus
Capsicum annum
Capsicum spp
Capsicum frutescens
Capsicum spp
Phaseolus vulgaris
Vigna sinensis
Lathyrus odoratus
Momordica charantia
Luffa acutangula
Brassica spp
Brassica alboglabra
Brassica oleracea var. capitata
Brassica oleracea var. botrytis
Brassica oleracea var. italica
Solanum melongena
Solanum indicum
Cucumis sativus
Lycopersicum esculentum
Allium tuberosum
Allium fistulosum
Allium ampeloprasum
Saurapus ablicans
Impomea aquatica
Impomea reptans
Lactuca sativa
Cucurbita maxima
Benincasa hispida
Lagenaria siceraria
Bambociae spp
Daucus careta
Raphanus sativus
Apium graveolens var. dulce
Apium graveolens var. secalinum
Coriandrum sativum
Roripa nasturtium - aquaticum
Zea mays
Cleome gynandra
Vigna radiata

BIL TANAMAN INDUSTRI

1 Kelapa

2 Kopi

3 Teh

4 Koko

5 Lada Hitam

6 Buah Pala

7 Cendawan

a) Cendawan Tiram Kelabu/ Shimeji

b) Cendawan Tiram Putih

c) Cendawan Jerami

d) Cendawan Butang

e) Cendawan Shiitake

f) Cendawan Kukur

g) Cendawan Lingzhi/ Ganoderma

h) Cendawan Jeli Hitam

i) Cendawan Susu Harimau

j) Cendawan Abalone

k) Cendawan Oyster

NAMA SAINTIFIK

Cocos nucifera

Coffea sp (var. liberica, robusta & arabica)

Camellia sinensis

Theobroma cacao

Piper nigrum

Myristica fragrans

Pleurotus pulmonarius

Pleurotus florida

Volvariella volvacea

Agaricus bisporus

Lenitula edodes

Schizophyllum spp.

Ganoderma lucidum

Auricularia auricula

Lignosus rhinocerus

Pleurotus cystidiosus

Pleurotus eryngii

BIL TERNAKAN

- 1 Lembu
- 2 Kambing
- 3 Biri-biri
- 4 Kerbau
- 5 Rusa

NAMA SAINTIFIK